

PENGAJARAN HOLISTIK GURU SEKOLAH MENENGAH NEGERI  
BANDAR MAKASSAR, SULAWESI SELATAN, INDONESIA

ANDI ERNAWATI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2015

## DEDIKASI

Hasil kerja ini ditujukan khas buat,  
Ayahanda **Andi Ahmad Zubair bin Andi Abdul Rasyid** dan  
Bonda **Andi Wasiah** yang sentiasa mendo'akan kejayaan ini,  
dan yang teristimewa untuk  
Suamiku, **Syahrudin Lasadike** tercinta serta anak-anakku tersayang  
**Abdul Muhaimin Syah, Faiqah Syahrudin, Faizah Syahrudin, dan  
Halimah Putri Syahrudin,**

Sebagai sumber inspirasi dan sukacita dalam setiap momen hidupku dan telah  
sanggup berkorban untuk kejayaanku dalam menyempurnakan penulisan ini.

**Kejayaan Ini Milik Kita Bersama**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT yang amat pemurah lagi maha mengasihi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan kajian dan penyelesaian tesis ijazah Doktor Falsafah ini dengan jayanya.

Saya ingin memberikan penghargaan kepada suamiku dan anak-anakku yang tanpa henti atas do'a, sokongan, kesabaran yang amat sangat berarti dalam hidupku, aku mencintai kalian. Sesungguhnya, saya amat terhutang budi kepada penyelia, DR. Ahmad Johari Bin Sihes atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, dan panduan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Penghargaan ini turut ditujukan kepada Gubernur Provinsi Sulawesi Selatan, Bapak Syahrul Yasin Limpo yang telah memberikan biasiswa untuk meneruskan pengajian di Malaysia. Dan merupakan satu penghormatan yang sangat besar bagi saya untuk menjadi salah satu rakyat yang terpilih untuk meneruskan pendidikan. *Pengabdianku Bagimu negeriku.*

Jutaan terima kasih juga kepada responden yang terlibat secara langsung dalam merealisasikan kajian ini. Kepada semua pihak di UTM, terima kasih atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan. Tidak lupa juga buat saudara-saudaraku, rakan-rakan seperjuangan, terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan kalian. Kepada kalian tiada lain-lain yang mampu diberikan, semoga Allah SWT membalas budi baik kalian, amin.

Jasamu tetap kukenang, sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Pengajaran holistik guru dijangka dapat membangunkan keupayaan dan potensi diri guru yang seimbang daripada aspek intelektual, emosional dan spiritual dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kecekapan pengajaran guru di Indonesia terutamanya di sekolah menengah, menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Oleh itu, adalah penting untuk mengenalpasti aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan guru untuk menangani pelbagai masalah dan cabaran tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan guru Sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN) di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah penerokaan berurutan yang menggabungkan teknik kualitatif dan kuantitatif. Seramai 12 orang responden yang terdiri daripada kalangan nazir, pengetua sekolah, dan guru pakar ditemubual untuk mengenalpasti aspek-aspek pengajaran holistik. Data temubual dianalisis menggunakan kaedah tematik, dan hasilnya empat aspek pengajaran holistik yang diperlukan oleh guru telah dikenalpasti, iaitu aspek pengetahuan mengajar, kemahiran mengajar, emosional guru, dan spiritual guru. Satu set soal selidik dibina berdasarkan empat aspek tersebut yang merangkumi 63 item. Seramai 370 orang responden daripada kalangan guru lima kumpulan mata pelajaran iaitu Agama dan Akhlak Mulia (AAM), Kewarganegaraan (Kn), Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (IPT), Estetika (EST), dan Jasmani, Olahraga dan Kesihatan (JOK) yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak kelompok telah menjawab soal selidik. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat aspek pengajaran holistik adalah diperlukan oleh guru. Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan guru daripada aspek pengetahuan mengajar, emosional dan spiritual guru. Manakala daripada aspek kemahiran mengajar terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan guru mata pelajaran IPT dan AAM, juga antara IPT dan Kn. Dapatan analisis regresi menunjukkan bahawa kesemua aspek yang dikaji menyumbang secara signifikan kepada pengajaran holistik guru. Satu kerangka pengajaran holistik guru SMAN Bandar Makassar telah dihasilkan.

## ABSTRACT

Holistic teaching is expected to develop teachers' ability and potential that are balanced in intellectual, emotional and spiritual aspects in their teaching and learning skill. However, the competency of teaching in Indonesia, particularly in secondary schools, is facing various problems and challenges. Therefore, it is important to identify aspects of holistic teaching needed by teachers that could help them address these issues. The purpose of this study is to identify aspects of holistic teaching at State Secondary School (SMAN) in Makassar City, South Sulawesi, Indonesia. The research design employed is the exploratory sequential mixed method which combined qualitative and quantitative techniques. A total of 12 respondents from among educational supervisors, school principals, and expert teachers were interviewed to identify aspects of holistic teaching. The interview data were analysed thematically, and the results identified four aspects of holistic teaching needed by teachers which are teaching knowledge, teaching skill, teacher's emotional, and teacher's spiritual. A set of questionnaire was developed based on the four aspects which consists of 63 items. A total of 370 respondents from among five subject teacher groups, namely Religion and Moral (AAM), Citizenship (Kn), Knowledge and Technology (IPT), Esthetics (EST), and Physical, Sport and Health (JOK) selected using cluster random sampling technique answered the questionnaire. The questionnaire data were analysed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) software. Results showed that the four aspects of holistic teaching are needed by teachers. Moreover, this study also showed that there are no significant differences between teachers in teaching knowledge, teacher's emotional and teacher's spiritual aspects. Meanwhile in the aspect of teaching skill, there is a significant difference in subject teacher groups between IPT and AAM, and also between IPT and Kn. Regression analysis results showed that all the aspects being studied are significantly contributed to holistic teaching. A framework for teacher's holistic teaching in SMAN Makassar City has been developed.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	15
	1.4 Objektif Kajian	18
	1.5 Persoalan Kajian	19
	1.6 Hipotesis Kajian	19
	1.7 Rasional Kajian	20
	1.8 Kepentingan Kajian	22
	1.9 Kerangka Kajian	23
	1.10 Batasan Kajian	31
	1.11 Definisi Operasional	32
	1.11.1 Kompetensi	32

1.11.2	Kompetensi Guru	34
1.11.3	Pengajaran	35
1.11.4	Pengajaran Holistik	35
1.11.5	Pengetua Sekolah	39
1.11.6	Guru Pakar	40
1.11.7	Nazir	40
1.11.8	Guru Sekolah Menengah Atas Negeri	41
1.12	Rumusan	42
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>44</b>
2.1	Pengenalan	44
2.2	Hakikat Kompetensi Guru	44
2.2.1	Konsep dan Model Kompetensi	48
2.2.2	Kecekapan Guru di Indonesia	53
2.2.3	Kurikulum dan Pengajaran di Indonesia	62
2.3	Aspek-Aspek Pengajaran Holistik	70
2.3.1	Aspek Pengetahuan Mengajar	73
2.3.2	Aspek Kemahiran Mengajar	81
2.3.3	Aspek Emosional Guru	85
2.3.4	Aspek Spiritual Guru	89
2.4	Kajian Lepas	93
2.5	Rumusan	96
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>97</b>
3.1	Pengenalan	97
3.2	Reka Bentuk Kajian	97
3.3	Lokasi Kajian	100
3.4	Populasi, Sampel dan Teknik Persampelan	101
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	104
3.5.1	Temubual	105
3.5.1.1	Kajian Rintis	108
3.5.1.2	Protokol Temubual	108

3.5.2	Soal Selidik	109
3.5.2.1	Bahagian A (Latar Belakang Responden)	110
3.5.2.2	Pembinaan Instrumen Kajian (Soal Selidik)	111
3.5.2.3	Kajian Rintis Soal Selidik	115
3.5.2.4	Kesahihan dan Kebolehpercayaan	116
3.6	Kaedah Analisis Data	122
3.6.1	Analisis Deskriptif Kualitatif	123
3.6.2	Analisis Data Kuantitatif	131
3.6.2.1	Statistik Deskriptif Kuantitatif	132
3.6.2.2	Statistik Inferensi	133
3.7	Rumusan	135
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>137</b>
4.1	Pengenalan	137
4.2	Demografi Responden Kajian Kualitatif	138
4.3	Analisis Dapatan Kualitatif	140
4.3.1	Aspek Pengetahuan Mengajar	141
4.3.1.1	Pengetahuan Kandungan	141
4.3.1.2	Pengetahuan Pedagogi Am	145
4.3.1.3	Pengetahuan Kandungan Pedagogi	148
4.3.1.4	Pengetahuan Tentang Kurikulum	151
4.3.1.5	Pengetahuan Tentang Pelajar	153
4.3.1.6	Pengetahuan tentang Tujuan dan Nilai Pendidikan	155
4.3.2	Aspek Kemahiran Mengajar	157
4.3.2.1	Persiapan dan Penyediaan	157
4.3.2.2	Pelaksanaan	159
4.3.2.3	Penilaian	163
4.3.3	Aspek Emosional Guru	166
4.3.3.1	Faktor Peribadi Guru	167
4.3.3.2	Faktor Sosial Guru	171
4.3.4	Aspek Spiritualiti Guru	177
4.3.4.1	Amanah	177



4.3.4.2 Keikhlasan	180
4.4 Analisis dan Dapatan Kuantitatif	184
4.5 Demografi Responden Kajian Kuantitatif	185
4.6 Ujian Normaliti Data	187
4.7 Analisis Deskriptif	189
4.7.1 Dapatan Deskriptif Item-Item Konstruk	190
4.7.1.1 Dapatan Item Konstruk Aspek Pengetahuan	190
4.7.1.2 Dapatan Item Konstruk Aspek Kemahiran	196
4.7.1.3 Dapatan Item Konstruk Aspek Emosional	200
4.7.1.4 Dapatan Item Konstruk Aspek Spiritual	203
4.7.2 Dapatan Deskriptif Item-Item Pengajaran Holistik Guru	206
4.8 Analisis Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran	208
4.8.1 Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Mengikut Kompetensi Pengajaran Holistik	209
4.8.2 Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Mengikut Aspek Pengetahuan Mengajar	211
4.8.3 Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Mengikut Aspek Kemahiran Mengajar	212
4.8.4 Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Mengikut Aspek Emosional Guru	214
4.8.5 Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata pelajaran Mengikut Aspek Spiritual Guru	214
4.9 Analisis Hubungan Diantara Pembolehubah	215
4.10 Analisis Regresi Linier Berganda	217
4.11 Kerangka Pengajaran Holistik Guru	223
4.12 Rumusan	225
<b>5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>227</b>
5.1 Pengenalan	227
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	227
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	229
5.3.1 Aspek-Aspek Pengajaran Holistik Guru Menurut	

Nazir, Pengetua Sekolah, dan Guru Pakar	230
5.3.2 Aspek-Aspek Pengajaran Holistik Menurut Guru Sekolah Menengah	248
5.3.3 Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Mengenai Aspek Pengajaran Holistik	251
5.3.4 Pembentukan Kerangka Pengajaran Holistik Guru Sekolah Menengah	258
5.4 Implikasi Kajian	262
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	265
5.6 Penutup	267
<b>RUJUKAN</b>	<b>268</b>
Lampiran A-M	301-331

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Hasil UKG Jalur Pertama Tahun 2012 Di Sulawesi Selatan	12
2.1	Skop Kumpulan Mata Pelajaran	68
3.1	Pembagian Kawasan	102
3.2	Bilangan Sekolah Berdasarkan Kawasan	104
3.3	Kumpulan Mata Pelajaran	104
3.4	Maklumat Latar Belakang Guru	110
3.5	Senarai Item Soal Selidik	111
3.6	Uji Pengukuran <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> (KMO) dan <i>Bartlett</i>	116
3.7	Analisis Faktor Bagi Memastikan Taburan Item	117
3.8	Uji KMO dan <i>Bartlett</i> Setelah Membuang Item Yang Tidak Sahih	118
3.9	Analisis Faktor Bagi Memastikan Taburan Item Mengikut Konstruknya Setelah Membuang Item yang Tidak Sahih	119
3.10	Taburan Item Mengikut Aspek-Aspek Pengajaran Holistik Guru	120
3.11	Kebolehpercayaan Soal Selidik	121
3.12	Jadual Alat & Statistik Kajian	122
3.13	Contoh Organisasi Data dan Pelaziman Data	128
3.14	Skor Tafsiran	132

3.15	Tafsiran Bagi Nilai Korelasi Koefisyen	134
4.1	Latar Belakang Responden Temu Bual	139
4.2	Jadual Demografi Responden Guru SMAN	185
4.3	Ujian Normaliti Data Mengikut Kolmogorov-Smirnov	187
4.4	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pengetahuan Kandungan	190
4.5	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pengetahuan Pedagogi am	191
4.6	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pengetahuan Pedagogi Kandungan	192
4.7	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pengetahuan Tentang Kurikulum	193
4.8	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pengetahuan Tentang Pelajar	193
4.9	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pengetahuan tentang Tujuan dan Nilai Pendidikan	194
4.10	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Aspek Pengetahuan Mengajar	195
4.11	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Persiapan dan Perancangan	196
4.12	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Pelaksanaan pengajaran	197
4.13	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Penilaian	198
4.14	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Aspek Kemahiran Mengajar	199
4.15	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Peribadi Guru	200
4.16	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekekapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Sosial Guru	201

4.17	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekerapan, dan Peratus Mengikut Item Aspek Emosional Guru	202
4.18	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekerapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Amanah Guru	203
4.19	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekerapan, dan Peratus Mengikut Item Indikator Keikhlasan	204
4.20	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekerapan, dan Peratus Mengikut Item Aspek Spiritual Guru	205
4.21	Taburan Min, Sisihan Piawai, Kekerapan, dan Peratus Mengikut Aspek-aspek Pengajaran	206
4.22	Dapatan Analisis Varians Mengikut Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Dengan Pengajaran Holistik Guru	210
4.23	Dapatan Analisis Varians Mengikut Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Dengan Pengajaran Holistik	210
4.24	Dapatan Analisis Varians Mengikut Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Dengan Pengajaran Holistik	211
4.25	Dapatan Analisis Varians Mengikut Perbezaan Kalangan Guru Kumpulan Mata Pelajaran Dengan Kemahiran Mengajar	213
4.26	Dapatan Analisis Varians Mengikut Perbezaan Kumpulan Guru Mata Pelajaran Dengan Aspek Kemahiran Mengajar	213
4.27	Analisis Hubungan Antara Pembolehubah	216
4.28	Analisis Dapatan Regresi Pengajaran Holistik Guru	217
4.29	Analisis Dapatan Regresi Indikator Aspek Pengetahuan Mengajar Terhadap Pengajaran Holistik Guru	219
4.30	Analisis Dapatan Regresi Indikator Kemahiran Mengajar Terhadap Pengajaran Holistik Guru	220
4.31	Analisis Dapatan Regresi Indikator Aspek Emosional Guru Terhadap Pengajaran Holistik Guru	221

4.32	Analisis Dapatan Regresi Indikator Aspek Spiritual Guru terhadap Pengajaran Holistik Guru	222
5.1	Dapatan Hipotesis Kajian	251

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori Kajian	25
1.2	Kerangka Konsep Kajian	30
1.4	Struktur Mudah Pendidikan di Indonesia	42
2.1	Peranan Guru	53
2.2	Kecekapan Profesional Guru	56
2.3	Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	58
2.4	Ciri-ciri Kurikulum	64
2.5	Kedudukan Guru Dalam P&P	65
2.6	Tahapan (Prosedur) Pengajaran	66
2.7	Peringkat Kesedaran Emosi daripada McPhail	85
2.8	Pengajaran dan Pembelajaran Dengan Aspek Spiritual	87
3.1	Proses Kajian Dalam Kaedah Penerokaan Berurutan	98
3.2	Prosedur Kajian	100
3.3	Proses Temubual	107
3.4	Pemprosesan Data Kualitatif	125
3.5	Contoh Sistem Koding Data Temubual Nazir	129
3.6	Sistem Koding Data Temubual Pengetua Sekolah	130

3.7	Contoh Sistem Koding Data Temubual Guru Pakar	130
4.1	Ujian Normaliti Data Mengikut Graf Histogram	188
4.2	Ujian Normaliti Data Mengikut P-P Plot Garis Lurus	189
4.3	Kerangka Pengajaran Holistik Guru	224
5.1	Kerangka Pengajaran Holistik Guru	259



**SENARAI SINGKATAN**

AAM	-	Agama dan Akhlak Mulia
ACE	-	<i>American Council on Education</i>
BPS	-	Badan Pusat statistik
BSNP	-	Badan Standar Nasional Pendidikan
CECC	-	<i>Commission of the European Community Communication</i>
Depdiknas	-	Departemen Pendidikan Nasional
EFL	-	<i>English as Foreign Language</i>
ENTEPE	-	<i>European Network on Teacher Education Policies</i>
HDEAPR	-	<i>Human Development East Asia and Pasific Region</i>
HDI	-	<i>Human Development Index</i>
HEC	-	<i>Higher Education Commission</i>
HSP	-	Huraian Sukatan Pelajaran
ICT	-	<i>Information and Communication Technology</i>
IPT	-	Ilmu Pengetahuan dan Teknologi
KBK	-	Kurikulum Berbasis Kompetensi
KD	-	Kompetensi Dasar
Kemdiknas	-	Kementrian Pendidikan Nasional

KKG	-	Kelompok Kerja Guru
Kn	-	Kewarganegaraan
KTSP	-	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
MA	-	Madrasah Aliyah
MCEECDYA	-	Ministerial Council for Education, Early Childhood Development and Youth Affairs
MGMP	-	Musyawah Guru Mata Pelajaran
NAHE	-	<i>National Academy of Higher Education</i>
NKRI	-	Negara Kesatuan Republik Indonesia
NSW	-	<i>New South Wales</i>
OECD	-	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PISA	-	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PKG	-	Pusat Kegiatan Guru
PP	-	Peraturan Pemerintah
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PPRI	-	Peraturan Pemerintah Republik Indonesia
RPP	-	Rencana Pelaksanaan Pembelajaran
RSBI	-	Rintisan Sekolah Bertaraf Internasional
SACMEQ	-	<i>Southern and Eastern Africa Consortium for Monitoring Educational Quality</i>
SD	-	Sekolah Dasar
Sisdiknas	-	Sistem Pendidikan Nasional

SK	-	Standar Kompetensi
SKL	-	Standar Kompetensi Lulusan
SMP	-	Sekolah Menengah Pertama
SMA	-	Sekolah Menengah Atas
SMK	-	Sekolah Menengah Kejuruan
SNP	-	Standar Nasional Pendidikan
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UKG	-	Ujian Kompetensi Guru
UNESCO	-	<i>United Nations Education, Scientific, and Cultural Organization</i>
UU	-	Undang-Undang
VET	-	<i>Vocational Education and Training</i>
YCG	-	Yayasan Cahaya Guru

## SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada BKPMMD Pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan	301
B	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada UTM	302
C	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Pemerintah Bandar Makassar, Provinsi Sulawesi Selatan	303
D	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Dinas Pendidikan Bandar Makassar	304
E	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Salah Satu Sekolah Menengah di Bandar Makassar	305
F	Surat Kebenaran Temu Bual Daripada Salah Seorang Responden	306
G	Pengesahan Pakar 1	307
H	Pengesahan Pakar 2	308
I	Pengesahan Pakar 3	309
J	Borang Protokol dan Soalan Temubual	310
K	Jadual Tema/Indikator Hasil Temubual	311
L	Borang Soal Selidik	315
M	Data Kajian	324

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengajaran dilaksanakan pada semua unit dalam sistem pendidikan formal secara tersusun dan berperingkat terdiri daripada pendidikan asas, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi (PP RI No. 19, 2005). Program pendidikan formal bertujuan untuk memberikan peluang kepada seseorang individu mendapatkan peluang kerjaya mengikut pengetahuan, kemahiran, dan sikapnya (Rivai dan Murni, 2010). Fungsi, peranan, dan kedudukan profesion perguruan menjadikan tugas mendidik, mengajar, membimbing, melatih, dan menilai pelajar sangat penting (PP RI No.74, 2008; Salamuddin, Harun, dan Abdullah, 2011). Seterusnya, guru juga membantu para pelajar supaya menjadi lebih berjaya, bermotivasi, aktif dan mempunyai kemahiran.

Meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah dengan menegaskan aspek kecekapan guru perlu dijalankan secara berterusan kerana kecekapan guru sebagai sumber manusia mempengaruhi kejayaan proses pendidikan di sekolah (Rosyada, 2004; Setyarahajoe dan Irtanto, 2013; Wachidi, 2010). Musfah (2011) menyatakan bahawa kecekapan guru daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku mempunyai hubungkait antara satu sama lain. Ketiga bahagian tersebut sangat

menentukan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah dan pendidikan di sekolah.

Kecekapan guru sangat diperlukan agar proses P&P dapat dilaksanakan secara maksima (Mulyasa, 2009). Pengajaran yang berkualiti merupakan hasil daripada guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam sebuah bidang ilmu (Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli, dan Musa Ismail, 2006; Hussain, Dogar, Azeem, dan Shakoor, 2011). Namun demikian, peranan guru bukan sekadar mengolah pengetahuan yang dimilikinya dalam menyampaikan ilmu, mewujudkan persekitaran pengajaran dan pengurusan kelas tetapi juga memerlukan kemahiran lain seperti menggunakan teknologi dalam proses P&P. Selain itu, guru juga harus menjadi contoh teladan bagi pelajar, dan memiliki kestabilan emosi. Oleh itu, guru yang memiliki aspek-aspek pengajaran secara holistik sangat diperlukan.

Kecekapan guru khasnya di Indonesia, melibatkan beberapa dimensi iaitu pedagogi, profesional, keperibadian, dan sosial (PP RI No.74, 2008; UU RI No.14, 2005). Dimensi-dimensi ini seharusnya tergambar tidak hanya daripada pengetahuan, dan kemahiran sahaja, tetapi daripada tingkah laku sebagai gambaran kepintaran emosional dan spiritual guru (Goleman, 1995; Khatoon, *et al.*, 2011; Passos, 2009; Selvi, 2010; Wigglesworth, 2011) secara holistik bagi mempamerkan profil guru yang seimbang dalam kehidupan keseharian yang diharapkan mampu menghasilkan kualiti dan keberkesanan pengajaran yang diperlukan untuk memenuhi semua keperluan belajar pelajar.

Guru merupakan salah satu aset penting di sekolah dalam mencernakan misi pendidikan kebangsaan ke arah pembentukan modal insan bertaraf dunia (Hasri Jamil, Nordin Abd Razak, Reena Raju, dan Abdul Rashid Mohamed, 2007; Nurahimah Mohd Yusoff, 2010). Banyak faktor yang menentukan kualiti sekolah, rumusan dari pelbagai laporan kajian tentang kualiti dan keberkesanan pengajaran guru menunjukkan bahawa guru mempunyai pengaruh yang sangat dominan

terhadap pencapaian pembelajaran pelajar (OECD, 2005; Greer, 2002). Keberkesanan proses P&P yang disokong oleh kecekapan tertentu secara holistik merupakan penggerak utama dalam mengekalkan daya saing dan perubahan positif (Gurney, 2007; Hong, 2003; Vathanophas dan Thai-ngam, 2007). Oleh itu, pengajaran holistik menjadi faktor penentu guru agar tampil profesional, menjadi ikutan pelajar, bertanggungjawab, serta menjunjung tinggi jawatannya sebagai kerjaya profesional.

Pemerintah Indonesia khasnya kementerian pendidikanakan selalu memantau dan menilai setakat mana peranan dan kecekapan kerja guru dalam proses P&P di sekolah (Kemendiknas, 2010). Proses penilaian guru ini dapat berfungsi dalam memberikan pengiktirafan terhadap profesion guru, selain menjadi asas pemberian penghargaan kepada guru-guru yang berprestasi dan patut dicontohi, bahkan boleh membantu untuk mengenalpasti keperluan pembangunan guru (ENTEPE, 2010). Guru dikehendaki terus membuat perubahan dalam pendidikan dan meningkatkan keupayaan profesional mereka bagi menampung permintaan pendidikan (Camerino, 2009; OECD, 2011), sepertimana pernyataan Fullan (2001): *educational change depends on what the teachers do and think*.

Profesion perguruan merupakan kerjaya yang profesional kerana guru bertanggungjawab mencipta sistem dan amalan pendidikan yang berkualiti. Guru profesional ialah guru yang bekerja dengan kemampuan yang tinggi dan kesungguhan hati untuk mengerjakan sesuatu dengan baik serta mempunyai budaya kerja yang berkualiti tinggi dan memahami tugas yang dipikulnya (Isjoni, 2009; Rusman, 2010). Selanjutnya, Greer (2002) mendedahkan bahawa di dalam aktiviti pengajaran terdapat interaksi dinamik di antara empat bahagian iaitu pelajar, guru, kurikulum dan isi kandungan pelajaran yang memerlukan sinergi dan pengurusan yang dipercayai.

Seterusnya, elemen utama dalam aktiviti pendidikan ialah kurikulum dan pengajaran. Kurikulum sekolah menengah kebangsaan di Indonesia menjadi panduan

bagi pelaksanaan aktiviti pembelajaran berstruktur untuk mencapai tujuan pendidikan di peringkat sekolah yang berorientasikan kepada tujuan pendidikan menengah, visi dan misi sekolah. Kurikulum sekolah wujud hasil daripada aplikasi pengetahuan, pemahaman, kemampuan, nilai, sikap dan minat untuk melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk kemahiran dan rasa tanggungjawab bagi melahirkan pendidikan yang seimbang (Sutrisno dan Nuryanto, 2008) agar tujuan pendidikan nasional yang ditetapkan dapat menghasilkan Standard Nasional Pendidikan (SNP).

Pengajaran memerlukan pelbagai kepakaran secara menyeluruh yang tidak boleh diambil mudah. Seperti apa pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru perlu disiasat secara jelas. Sehubungan dengan itu, kajian ini menghuraikan mengenai kecekapan holistik yang diperlukan guru dalam pengajaran. Sangat diharapkan bahawa dengan pengajaran holistik, guru dapat membantu pelajar belajar. Bagi mencapai semua itu, maka kualiti pengajaran yang merujuk kepada struktur dan isi kandungan kurikulum sekolah menengah diharapkan dapat dihasilkan, serta akan menjadikan guru lebih cekap yang dapat meningkatkan pencapaian belajar pelajar. Melalui kajian ini, pengkaji mengemukakan cadangan mengenai aspek-aspek pengajaran holistik guru di Sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN) di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Kajian literatur menunjukkan betapa pentingnya guru yang berkualiti dalam melaksanakan proses P&P di dalam bilik darjah (Darling-Hammond & Snowden, 2009; HDEAPR, 2010a; Heyneman & Loxley, 1983; Lin, Xie, Jeng, & Huang, 2010; Shulman, 1986). Kebanyakan kualiti pendidikan terjejas disebabkan oleh kualiti sumber manusia yang dimiliki oleh pelaksana pendidikan khususnya guru (Cunningham, William, dan Paula, 2003; Darling-Hammond, 2006; Dutta dan Mohakud, 2011; Goleman, 2000; Muhaimin, Sutiah, dan Prabowo, 2008; Muhson, 2004; Wood, 2007). Dapatan lain menunjukkan bahawa kualiti pengajaran terjejas



oleh atribut dan keupayaan individu guru itu sendiri (Zammit, *et al.*, 2007). Implikasinya guru yang mempunyai atribut yang baik, kelayakan yang standard, berdedikasi, profesional serta memiliki kecekapan mengajar yang tinggi dan seimbang dapat menarik minat belajar pelajar. Guru seharusnya memiliki pengetahuan dan kemahiran serta tingkah laku yang diperlukan di dalam aktiviti pengajarannya.

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi melihat hubungkait diantara kecekapan guru dengan praktik pengajaran. Di Afrika Selatan, guru tidak melaksanakan dan menggunakan kurikulum dengan baik semasa mengajar, kerana polisi tidak difahami dan tidak dilaksanakan secara holistik (Hendricks, 2008). Sementara itu, dapatan kajian di Malaysia menunjukkan bahawa pengetahuan guru mengenai konsep, nilai, kandungan pelajaran, dan hasil pembelajaran kurang selaras dengan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP), responden kajian didapati keliru antara nilai dan tajuk pengajaran, dan mereka hanya menggunakan pendekatan pemupukan nilai serta teknik P&P berpusatkan guru (Abd. Shatar Bin Che Abd. Rahman, 2007). Manakala di Pakistan, kajian Siddiqui (2010) menegaskan bahawa guru tidak melaksanakan standard pembelajaran di kelas, dan tidak menggunakan teknik penilaian dengan baik.

Persoalan kualiti pendidikan di Indonesia tidak jauh berbeza dengan negara lain. Selain faktor fasiliti yang belum mencukupi, faktor guru juga memainkan peranan penting. Guru dikatakan masih belum bekerja dengan bersungguh-sungguh serta belum mencapai standard profesionalisme seorang guru (Sukmadinata, 2006). Guru masih belum memiliki kecekapan pedagogi, didaktik dan metodik, kemampuan peribadi dan sosial, khasnya berdisiplin, bermotivasi, dan kerja berpasukan (Sanusi, 2007). Selain itu, guru masih belum memiliki pengetahuan dan kemahiran yang memadai dalam menguruskan pelajar, keperibadian serta penguasaan terhadap bahan pelajaran masih lemah (Musfah, 2011). Inilah salah satu kekurangan terberat dalam reformasi pendidikan iaitu kurangnya pengetahuan asas yang dimiliki oleh para pelaksana pendidikan (Cheng, 2005). Masih lemahnya penguasaan aspek-aspek kecekapan guru inilah yang mendominasi dan menjadi isu utama sekaligus cabaran dalam dunia pendidikan semasa.

Sutrisno dan Nuryanto (2008) mendapati bahawa kebanyakan elemen-elemen kurikulum belum dilaksanakan dengan baik, seperti pembangunan silabus, pembangunan diri, pengajaran holistik, pembangunan konten tempatan, penyusunan rancangan penilaian hasil belajar dan penyusunan laporan pelajar. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Machmud (2011) mendapati bahawa kurangnya pemahaman guru tentang kurikulum merupakan cabaran utama dalam proses P&P di Indonesia.

Selari dengan dapatan kajian di atas, pemahaman guru secara mendalam terhadap kurikulum itu sendiri umumnya masih sangat kurang (Halimah, Rostika, dan Sudirjo, 2009). Aktiviti P&P akan lebih sistematik dan tersusun seperti yang dirancangan apabila guru mempunyai kefahaman mengenai konsep dan ketersediaan kurikulum serta bertindak sebagai pelaksana kurikulum secara berkesan (Abdul Rahim Hamdan, 2007). Keberkesanan pengajaran sama sahaja dengan keberkesanan guru, kerana keberkesanan pengajaran bergantung sepenuhnya kepada kecekapan guru dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran (Azizi Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya, dan Noordin Yahaya, 2005).

Isu-isu lain yang berhubung kait dengan pengajaran telah dibincangkan sejak tahun 2006. Hasil pemantauan Badan Standard Nasional Pendidikan (BSNP) bahawa; (1) sebahagian besar guru belum memahami secara mantap tentang intipati pengajaran dan kurikulum; (2) kecekapan dan prestasi guru menjadi penghalang; (3) kemampuan guru bagi membangunkan silabus masih belum memuaskan; dan (4) guru mengalami kesukaran pada bahagian aktiviti P&P, indikator pencapaian dan penilaian pelajar (BSNP, 2006). Bahkan pembaharuan polisi seringkali dianggap sebagai beban, dan bukannya peluang untuk berubah. Polisi pembaharuan pendidikan juga masih ditanggap sebagai perubahan rutin/tetap dalam tempoh sepuluh tahun sekali (Yuhetty dan Miarso, 2012).

Wachidi (2010) menyatakan guru pada peringkat pendidikan dasar dan menengah masih belum memperlihatkan kesungguhan, ketekunan, kecekapan dan kurangnya kreativiti dalam melaksanakan proses P&P dalam bilik darjah. Bahkan mereka jarang merumuskan peranti pembelajarannya secara bebas (Mattarima dan

Abdul Rahim Hamdan, 2011). Para pengkaji dan pakar pendidikan menyatakan masih ramai guru mengamalkan pendekatan P&P berpusat pada guru dan kaedah pembelajaran hafalan (Bjork, 2005; Sriyati, 2009; Sumintono, Ibrahim, dan Phang, 2010; Yuhetty dan Miarso, 2012; Zulfikar, 2009). Perkara ini jelas bercanggah dengan amanah kurikulum sekolah menengah kebangsaan yang memberlakukan pembelajaran berpusatkan pelajar. Setidaknya pembelajaran itu harus bertitik tolak dari berpusatkan guru menjadi berpusatkan pelajar dengan paradigma baru bahawa pelajar lebih berkedudukan sebagai pelakon atau aktor dalam belajar (Yamin, 2011).

Hasil kajian Mattarima (2011) mendapati pada sekolah menengah di Bandar Makassar, Indonesia, masih menghadapi banyak halangan diantaranya ialah guru belum berdikari dalam merumuskan silabus, rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran seperti modul pembelajaran, serta masih melakukan penilaian yang kurang tepat. Selanjutnya, dalam pengurusan bilik darjah dan persiapan mengajar tidak mencukupi, juga kebanyakan guru menggunakan pendekatan atau kaedah pembelajaran secara *mono-tone*. Sokongan lain yang serupa ialah bahawa masih ada jurang mengenai kecekapan guru dalam pelaksanaan pengajaran iaitu antara proses P&P yang dilaksanakan dalam bilik darjah dengan rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP) yang dibuat oleh guru (Yuhetty dan Miarso, 2012). Ketepatan penggunaan alat penilaian masih dalam kriteria kurang baik disebabkan kurangnya kecekapan guru dalam memberikan maklumbalas pada pelaksanaan penilaian semasa proses pembelajaran (Suharini, 2009).

Berasaskan nota Human Development Index (HDI) (2006), menunjukkan bahawa kualiti guru di Indonesia masih rendah. Statistik HDI mendapati 60 peratus guru sekolah dasar (SD), 40 peratus guru sekolah menengah pertama (SMP), 43 peratus guru sekolah menengah atas (SMA), dan 34 peratus guru sekolah menengah kejuruan (SMK) dianggap masih belum layak untuk mengajar pada jenjang masing-masing. Selain itu, 17.2 peratus guru atau setara dengan 69.477 guru mengajar bukan bidang pelajarannya. Dengan demikian, kualiti sumber manusia Indonesia ialah urutan 109 dari 179 negara di dunia. Bahkan mengikut data statistik HDI (2011) ranking Indonesia semakin menurun menjadi 124 di dunia.

Selari dengan penyata HDI (2006) tersebut, membuat perubahan memanglah tidak mudah, Seterusnya Fullan (2008) menyatakan bahawa perubahan itu sukar terutamanya pada perilaku dan keyakinan. Perilaku merangkumi kecekapan diri dan kepakaran, manakala keyakinan berupa pemahaman dan pengetahuan bagi meningkatkan pelaksanaan ke arah yang diharapkan kerana lebih mudah menggunakan pakai keputusan daripada mempraktikkannya, dan lebih mudah membuat perubahan dalam struktur daripada mengubah kebiasaan yang melibatkan keyakinan dan perilaku. Apatahlagi, jika berhadapan dengan situasi yang mana tidak ada sokongan untuk berubah (Boozer, 2011; Fullan, 2008; Habib Mat Som, 2005; Smith, Hofer, Gillespie, Solomon, dan Rowe, 2003).

Kajian di atas menunjukkan, bahawa sumber manusia di Indonesia dianggap belum profesional (Muhson, 2004; Mulyasa, 2004; Rivai dan Murni, 2010; Setyarahajoe dan Irtanto, 2013; Tilaar, 1994). Pada pihak lain, Wachidi (2010) dan Waluyo (2013) mengemukakan secara tegas bahawa guru ialah salah satu bahkan satu-satunya individu yang mempunyai kedudukan utama dan strategis dalam merancang, membangunkan, melaksanakan dan menilai hasil daripada proses P&P. Sebagai aktor penting dalam bilik darjah, kewujudan guru yang profesional sangat diharapkan.

Mengajar merupakan sesuatu profesion yang sangat kompleks, sangat mencabar dan salah satu profesion yang sangat penting di dunia yang memerlukan kemahiran dan profesionalisme tinggi (Bhargava dan Pathy, 2011; Esah Sulaeman, 2004; Guskey, 1994; Hung, Oi, Chee, dan Man, 2007; Killen, 2009; Parkay, 2006; Provenzo, 2002; Simpson, Jackson, dan Aycock, 2005; Skinner, 2010). Kepakaran dan profesionalisme guru yang tinggi menjadi indikator bagi kualiti pendidikan (Achwarin, 2009; Marinkovic, Bjekic, dan Zlatic, 2012; Ololube, 2006). Oleh itu, guru mesti memiliki kecekapan dalam membangunkan dan melaksanakan tugasannya, komited, serta sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kemampuan yang diperlukan secara berterusan bagi peningkatan kualiti sebagai pengajar profesional (Alma, Mulyadi, Razati, dan Nuryati, 2009; Crosswell, 2006; Esah Sulaeman, 2004; Ismail, 2010; Manhas dan Saigal, 2013; Zamroni, 2000). Komitmen

yang tinggi dalam kalangan guru akan menghasilkan prestasi yang baik juga (Reche, Bundi, Riungu, dan Mbugua, 2012).

Boozer (2011) menyatakan tentang inovasi atau perubahan dalam pengajaran diperlukan untuk memenuhi semua keperluan pelajar. Guru harus proaktif, kreatif, dan inovatif dalam mengisi dan membangunkan diri secara berterusan sehingga dapat mencapai tingkat profesion yang mampu menguruskan proses pembelajaran dengan berkesan, agar mampu bersaing pada peringkat regional, nasional, dan antara bangsa (Agung, 2008; Hamid, 2009; Manhas dan Saigal, 2013). Jabatan Pendidikan dan Latihan Australia Barat (2004) mencipta keunggulan profesional dengan membuat reka bentuk bagi guru yang akan melahirkan pembelajaran yang profesional dan memberikan sumbangan bagi peningkatan hasil belajar pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian terdahulu, rendahnya kualiti pelaksanaan pendidikan disebabkan oleh rendahnya kecekapan pedagogi guru dalam menguruskan pembelajaran di peringkat sekolah, proses P&P berlangsung tidak berkesan, tidak cekap dan berkualiti rendah (Sarkadi, Yasin, dan Raharja, 2006; Siddiqui, 2010). Sebagai contoh, kualiti pendidikan Sains dan Matematik masih dibawa rata-rata disebabkan oleh kualiti guru Sains dan Matematik masih di bawah standard (Hendayana, Asep, dan Imansyah, 2010). Sehingga berakibat pembelajaran sains dalam bilik darjah pun tidak seperti yang diharapkan (Wahyudi dan Treagust, 2004). Dengan demikian, guru yang tidak cekap atau tidak terlatih merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah dalam pembelajaran (Abdul Rahim Hamdan, *et al.*, 2006; Musfah, 2011; Ololube, 2006).

Sistem pendidikan Indonesia belum menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi daripada aspek pengetahuan dan kemahiran secara konsisten (HDEAPR, 2010). Data HDEAPR (2010b) menunjukkan bahawa dari 302,000 guru pra-sekolah, hanya 11 peratus yang memenuhi syarat untuk mengajar berdasarkan keperluan pentadbiran. Guru SD mencapai 16 peratus dari 1.16 juta memenuhi standard, 60 peratus dari 864,000 guru SMP, dan guru SMA didapati 80 peratus dari 512,000

yang memenuhi syarat untuk mengajar. Perkara tersebut disebabkan pula oleh kecekapan profesional guru masih belum mencapai tahap maksima berdasarkan pencapaian kompetensi graduan yang rendah (Ningrum, 2011; Setyarahajoe dan Irtanto, 2013; Suharini, 2009; Zulfikar, 2009). Guru-guru menyediakan peranan penting terutamanya dalam bilik darjah tetapi masih banyak penyelidikan mendapati kecekapan pengajaran guru masih lemah (Azra, 2002).

Walau bagaimanapun, guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan proses pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah (Rusman, 2010; Wang dan Cheng, 2009). Guru harus mampu merancang kurikulum pengajaran dan aktiviti pembelajaran serta menggunakan penilaian sebagai jambatan antara apa yang diketahui guru mengenai pelajar mereka dengan apa yang perlu dipelajari sehingga dapat memenuhi keperluan belajar pelajar (Darling-Hammond dan Snowden, 2009; Timperley, 2008; 2010). Para pelajar akan menerima bahawa kegagalan dalam peperiksaan merupakan tanggungjawab mereka sendiri, tetapi mereka percaya bahawa jika guru memberikan mereka galakan yang cukup dan maklumbalas yang positif, akan meningkatkan keinginan mereka untuk mengkaji dan belajar dengan lebih tekun (Cubukcu, 2010; Martin, 2010). Namun, dapatan utama penyelidikan yang dijalankan oleh Siddiqui (2010) menunjukkan bahawa meskipun sebahagian besar guru menyadari tentang standard pengajaran untuk keberkesanan sekolah harus mencapai standard tertentu tetapi mereka tidak menerapkan standard tersebut dalam bilik darjah.

Guskey (1994) berpendapat bahawa proses P&P merupakan aktiviti yang kompleks serta memerlukan komitmen dan usaha daripada pelbagai pihak. Elemen-elemen seperti pembangunan profesion perguruan melalui pendidikan guru seharusnya merangkumi perkembangan pengetahuan pengajaran dan kandungan mata pelajaran, dan bekerja untuk mengasah kemahiran mengajar mereka (Manhas dan Saigal, 2013; Welch dan Gultig, 2002). Didapati bahawa sebahagian besar (81,81%) soalan kajian dijawab responden ternyata mempersepsi positif tentang pentingnya pembangunan profesi guru tersebut secara berterusan (Agung, 2011).

Dapatan kajian tersebut disokong oleh pengkaji Djajadi, Sumintono, dan Nora Mislan (2012) mengenai usaha guru dalam membangun profesionalnya.

Salah satu penyebab rendahnya kecekapan pengajaran guru adalah kerana penggunaan media pembelajaran khasnya yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) di dalam bilik darjah belum maksima. Sepertimana, dapatan kajian yang dijalankan di sekolah menengah di Bandar Makassar tentang usaha guru dalam membangunkan profesionalnya didapati bahawa sebahagian besar guru menginginkan TMK sebagai pengisian yang harus mereka pelajari. Kajian mendapati bahawa guru telah menyedari betapa pentingnya pengetahuan dan penguasaan teknologi yang merupakan salah satu aspek utama yang perlu dikuasai oleh guru (Mishra dan Koehler, 2006).

Seterusnya, ramai guru yang memilih aspek pengisian rancangan dan bahan pengajaran, pengisian kurikulum dan pengajaran serta pengisian pengetahuan pedagogi sebagai alternatif kedua. Selain itu, melaksanakan kerja-kerja saintifik seperti melakukan kajian mudah, analisis soalan, kemahiran dalam penilaian berasaskan bilim darjah, dan penilaian prestasi guru (Djajadi, Sumintono, dan Nora Mislan, 2012). Perkara ini menunjukkan bahawa guru sedar akan kelemahan kecekapan yang dimilikinya dalam P&P.

Pengarah Jeneral pendidikan menengah, Kementerian Pendidikan Kebangsaan menyatakan nilai purata Ujian Kompetensi Guru (UKG) di Sulawesi Selatan pada jalur pertama, berada pada urutan ke-13 bagi seluruh Indonesia, dengan angka 39.40 peratus berada di bawah nilai purata kebangsaan iaitu 42.25 peratus. Kompetensi pedagogi guru, dengan purata iaitu 39.93 peratus daripada purata kebangsaan iaitu 43.20 peratus. Manakala, kompetensi profesional dengan nilai purata 40.16 peratus, dari purata kebangsaan 44.05 peratus (BPSDMK-PMP, 2012) seperti pada Jadual 1.1

**Jadual 1.1:** Hasil UKG Jalur Pertama Tahun 2012 di Sulawesi Selatan

No	Dimensi Kompetensi	Hasil	Purata Nasional
1	Kompetensi Pedagogi	39.93%	43.20%
2	Kompetensi Profesional	40.16%	44.05%
3	Keduanya	39.40%	42.25%

Skor peperiksaan kompetensi guru yang diduduki oleh 604,752 guru di semua wilayah di Indonesia masih di bawah skor purata piawaian iaitu 70.00 peratus, seperti dijangkakan oleh agensi pembangunan sumber manusia pendidikan dan kebudayaan serta jaminan kualiti pendidikan (BPSDMK-PMP, 2012). Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa kecekapan guru di Sulawesi Selatan masih memerlukan pengurusan secara berterusan.

Semasa menilai dimensi kecekapan, sepatutnya penilaian itu dibuat secara menyeluruh terhadap pelbagai dimensi sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. (Spencer dan Spencer, 1993). Penerapan dimensi-dimensi kecekapan guru sekolah menengah juga belum wujud (Wasimin, 2009). Dapatan kajian pusat kajian dan pembangunan Jawa Timur menunjukkan bahawa komponen kecekapan profesional, sosial, dan pedagogi guru masih kurang baik. Manakala, keperibadian mendapat skor purata yang baik, walaupun ia hanya memenuhi kriteria minimum, nilai keperibadian seperti ini masih memerlukan penambahbaikan yang berterusan (Irtanto, Suprianto, dan Sasongko, 2010). Guru mesti yakin bahawa prestasi pelajar dipengaruhi oleh kualiti pengajaran yang tinggi dan percaya diri untuk fokus terhadap kemampuan melaksanakan pengajaran berkesan yang diarahkan bagi meningkatkan prestasi pelajar (Gibson dan Dembo, 1984; Smith, 1995).

Kecekapan yang dimiliki guru kelihatannya belum memadai untuk membantu mengatasi permasalahan-permasalahan yang kompleks dalam proses P&P di atas. Kemampuan holistik guru sebagai pengajar dan pendidik akan mampu membangunkan pemikiran/pengetahuan, kemahiran/psikomotor, emosi/perasaan, dan



hati sebagai sumber spiritual/kerohanian yang dapat menjadi penggerak utama pelbagai aspek yang ada. Kerana guru di Indonesia ditugaskan untuk membangunkan potensi pelajar supaya menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, memiliki akhlak mulia, sihat, memiliki pengetahuan, kemampuan, kreativiti, mandiri dan demokratik, serta bertanggung jawab. Tirri (2011) mendapati bahawa pedagogi holistik bertumpu kepada pembangunan potensi pelajar secara menyeluruh. Ertinya melalui proses pembelajaran, seluruh potensi yang dimiliki pelajar mesti berkembang sampai menjadi manusia yang holistik. Untuk itu, diperlukan perhatian pemerintah secara berterusan kepada pembangunan profesion guru dengan pendekatan holistik dan secara meluas (Thair dan Treagust, 2003; Hendayana, *et al.*, 2010).

Pengajaran dan pembelajaran secara profesional dipandang sebagai perkara penting untuk memastikan guru telah memiliki kecekapan yang meliputi kemahiran, pengetahuan dan pemahaman yang diperlukan untuk menyediakan proses pendidikan yang berkualiti (Department of Education and Training, 2004; Ololube, 2006; UNESCO, 2002). Namun pengetahuan dan kemahiran sahaja tidak memadai, kemampuan guru mestilah ditunjang dengan perilaku sebagai gambaran kecekapan emosional (Goleman, 1995; PP RI No.74, 2008). Dengan kata lain, guru mesti tampil dengan kemampuan holistik yang akan menjadikan dirinya layak sebagai seorang pengajar dan pendidik bagi pelajar (Darling-Hammond dan Snowden, 2009; Kaliannan dan Chandran, 2010; Miller, 2007; Pantić, 2011; Setyarahajoe dan Irtanto, 2013; Sturgis & Patrick, 2010). Achwarin (2009) dan Musfah (2011) juga mendedahkan bahawa guru yang memiliki kecekapan yang tinggi dan holistik boleh menghasilkan guru yang cekap secara individu dan dapat meningkatkan prestasi pelajar.

Keperluan kecekapan pengajaran secara holistik ini menandakan bahawa guru merupakan komponen paling penting dan bermakna dalam kehidupan pelajar. Teori pembelajaran moden menghendaki para guru menjadi pendiagnosis, penganjur pengetahuan, dan jurulatih yang mahir bagi membantu para pelajar menguasai maklumat dan kemahiran yang kompleks (Darling-Hammond, 2006). Guru juga

berperanan dalam pembentukan watak, kemenjadian dan sikap pelajar, kerana pembangunan moral dan intelektual pelajar dengan memahami prinsip-prinsip etika dan logik merupakan tujuan utama pendidikan (Manhas dan Saigal, 2013). Pembangunan kemenjadian pelajar sebagai generasi bangsa mesti menjadi komitmen kolektif guru dan bangsa Indonesia. Pendidikan diarahkan untuk tidak hanya membentuk insan cerdas intelektual secara individual sahaja, malahan menekankan juga aspek-aspek spiritual yang dapat membentuk karakter pelajar dan karakter bangsa, yang merupakan identiti bangsa.

Dalam sejarah pembinaan pendidikan di Indonesia telah banyak usaha dilakukan dan pelbagai polisi diwujudkan. Namun belakangan ini hasil yang dicapai memberikan indikasi masih ada yang belum dilaksanakan dalam pendidikan saat ini. Isu utama sekaligus cabaran dalam dunia pendidikan semasa adalah banyaknya berita di mass media tentang kes pemukulan guru dan gangguan seksual terhadap pelajar, dan merebaknya kenakalan pelajar dengan aksi meresahkan masyarakat. Kemerosotan akhlak guru dan pelajar memberi tanda bahawa bangsa ini menghadapi dilema. Walaubagaimanapun, profil guru yang diperlukan saat ini bukan sahaja menampilkan indikator-indikator pencapaian yang mudah diukur dan dinilai, tetapi sangat perlu adalah asas spiritual/kerohanian yang terintegrasi dalam melaksanakan tugas mengajar dan mendidik.

Walaupun bagaimanapun, dalam aktiviti P&P, guru terutamanya harus membantu pelajar mengetahui dan memahami apa yang seharusnya dilakukan, dengan mengambilkira bagaimana pelajar belajar (Heather Fry, Steve Ketteridge, dan Marshall, 2009; Martin, 2010; Meiers, 2007; Saavedra dan Opfer, 2012). Pelajaran yang diberikan oleh guru sangat mempengaruhi fungsi pengetahuan pelajar. (Schiering, Bogner, dan Buli-Holmberg, 2011). Guru mesti bermotivasi untuk meningkatkan pengetahuan tentang amalan pengajaran yang berkesan supaya dapat meningkatkan prestasi pelajar (Hochberg dan Desimone, 2010; Yendol-Hoppey dan Dana, 2010).

Peningkatan pengajaran guru memerlukan banyak penyelidikan agar ia dapat dihayati, dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya. Kecekapan pengajaran guru merangkumi pelbagai aspek secara holistik, tidak sahaja berhubungkait dengan aspek kemampuan keilmuan, teknologi, peribadi dan sosial tetapi juga aspek spiritual (Mulyasa, 2007; Musfah, 2011; Yaumi, 2014). Walau bagaimanapun, kemampuan yang diperlukan bukan semata-mata kepintaran intelektual iaitu pengetahuan dan kemahiran guru, ataupun kepintaran emosional daripada faktor peribadi dan sosial guru. Bahkan aspek spiritual guru perlu mendapat perhatian utama kerana sangat mempengaruhi prestasi pelajar. Ololube (2006) menyatakan bahawa guru perlu menyesuaikan diri dengan pandangan secara holistik terhadap kedudukan dan kewajipannya yang sangat berpengaruh. Oleh sebab itu, jalan penyelesaian yang diperlukan bagi mengawal pelbagai fenomena kelemahan guru yang berkaitan dengan pengajaran tersebut adalah kecekapan pengajaran holistik.

Masalah yang dihadapi guru memiliki pelbagai kekhususan dibanding dengan profesion lain. Berasaskan huraian kenyataan dan pelbagai masalah di atas, menunjukkan begitu pentingnya mengenal pasti kecekapan guru dan aspek-aspek yang merangkuminya secara holistik sebagai upaya peningkatan kecekapan pengajarannya. Guru yang cekap dalam pelaksanaan tugasannya diharapkan mampu mencipta kualiti P&P khasnya dan pendidikan amnya. Dengan demikian, pengkaji merasa perlu melakukan kajian mengenai aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan guru untuk mengembangkan kecekapan bagi meningkatkan tugasannya dalam mengajar yang pada akhirnya mampu meningkatkan kualiti pendidikan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Guru yang tidak cekap adalah masalah utama kepada profesion keguruan (Hamdan, *et al.*, 2006; Ololube, 2006). Implikasi dari rendahnya kecekapan guru menyebabkan kualiti pendidikan juga rendah. Masih lemahnya penguasaan aspek-aspek kecekapan pengajaran guru mendominasi dan menjadi isu utama sekaligus

cabaran dalam dunia pendidikan semasa (Irtanto, *et al.*, 2010; Machmud, 2011; Mattarima dan Hamdan, 2011; Musfah, 2011; Ningrum, 2011; Sarkadi, *et al.*, 2006; Sukmadinata, 2006; Sanusi, 2007; Wasimin, 2009). Kecekapan pengajaran guru merupakan faktor penting yang mempengaruhi tujuan pendidikan dan pembelajaran di sekolah sehingga mampu melahirkan graduan pendidikan yang berkualiti (Boyd, Goldhaber, Lankford, dan Wyckoff, 2007; Camerino, 2009; Khatoon, Azeem, dan Akhtar, 2011; Koedel, 2008; Lin, 2010; Metzler dan Woessmann, 2010; Passos, 2009; Selvi, 2010; Wachidi, 2010). Dengan demikian, perlu dikenalpasti aspek-aspek kecekapan pengajaran yang diperlukan guru secara menyeluruh supaya dapat meningkatkan proses P&P untuk menjadi asas bagi kemampuan guru secara seimbang. Aspek-aspek pengajaran holistik sangat penting untuk dikaji kerana apa yang diketahui dan boleh dilakukan oleh guru sangat mempengaruhi proses pembelajaran dan pembentukan sikap dan kemenjadian pelajar.

Palmer (1997) mendedahkan bahawa bersifat holistik dan menyeluruh merupakan prinsip di sebalik pengajaran yang baik. Kajian ini tertumpu kepada pengajaran holistik guru yang merupakan kemampuan yang dimiliki oleh guru secara menyeluruh dan seimbang yang memungkinkan pelajar memperolehi nilai-nilai murni melalui proses P&P. Pencapaian matlamat pengajaran seseorang guru perlu mempunyai beberapa aspek yang bersesuaian dengan tugas dan fungsinya. Dalam konteks kajian ini pula, pemboleh ubah bebas iaitu aspek-aspek yang diperlukan seperti aspek pengetahuan mengajar, aspek kemahiran mengajar, aspek emosional dan spiritual guru menjadi peramal untuk membentuk kerangka pengajaran holistik guru sebagai pemboleh ubah bersandar.

Keberkesanan pengajaran guru tidak mencukupi hanya melalui aspek pengetahuan sahaja (Khunasathitchai, 2005). Mengajar bukan hanya memindahkan atau membangunkan kemahiran sahaja (Lawrence dan Dirks, 2010; Skinner, 2010) tetapi juga bertujuan untuk membentuk peribadi pelajar agar berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Pengajaran juga bergantung pada aspek emosional (Aka, 2012; Goleman, 1995; 2000; Mehta, 2011) dan spiritual guru (Bone, 2007; Clarken, 2008;

George dan Visvam, 2013; Wickett, 2005) yang seterusnya dinamakan aspek-aspek pengajaran holistik dalam kajian ini.

Indikator-indikator yang dikaji dalam kajian ini berdasarkan pandangan kepada aspek pengetahuan mengajar guru oleh Shulman (1986; 1987), aspek kemahiran mengajar oleh Kyriacou (1991), aspek emosional oleh Goleman (1995), dan aspek spiritual oleh Wigglesworth (2011) dan sokongan hasil kajian lepas lainnya digabungkan supaya menjadi satu kerangka teori kajian yang terlibat dan menjadi domain kompetensi. Selain itu, maklumat penting juga diperolehi berdasarkan hasil penerokaan kajian ini. Aspek-aspek tersebut dimiliki dan diaplikasikan secara holistik baik dalam aktiviti P&P di dalam bilik darjah mahupun dalam pelaksanaan tugasannya terutamanya di sekolah.

Konsep holistik berkait rapat dengan keseimbangan pola kognitif, psikomotor, dan afektif. Untuk mencapai keseimbangan itu, terdapat empat aspek yang saling mempengaruhi iaitu pengetahuan, dan kemahiran guru dalam mengajar, aspek emosi, dan spiritual guru. Sebagai guru, konsep holistik ini merupakan perkara yang mesti difahami oleh guru supaya dapat memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang berkualiti kepada pelajar. Bagi mengenal pasti guru yang kompeten secara holistik, perlu dilihat setakat mana mereka mempunyai ilmu dan kemampuan secara holistik dalam merancang, melaksanakan dan menilai hasil P&P. Kajian ini mencadangkan bahawa selain guru yang berkesan bagi merancang dan merekabentuk pengajaran serta strategi yang diguna pakai dalam pengajaran kualiti dan keberkesanan pengajaran guru juga merupakan satu aspek yang diberi penekanan oleh pemerintah kerana mengajar adalah satu profesion moral (Fullan, 1993). Seorang guru bermoral, terlatih dan menunjukkan sifat profesional tentu mempunyai pelbagai cara dan strategi untuk menguruskan bilik darjah dan memastikan pencapaian matlamat pendidikan seperti yang diamanatkan oleh undang-undang sistem pendidikan kebangsaan memiliki ketekalan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini sangat penting untuk dilakukan terutamanya difokuskan pada mengenal pasti aspek-aspek yang diperlukan oleh guru dalam pengajaran, dan mengenal pasti kerangka pengajaran yang dibentuk dari aspek pengetahuan mengajar, aspek kemahiran mengajar, aspek emosional dan spiritual guru untuk membentuk kerangka pengajaran holistik. Bagi mengawal pelbagai fenomena dan isu berkenaan maka aspek-aspek pengajaran holistik guru perlu diteroka. Jawapan kepada persoalan ini memerlukan kupasan terperinci dan lebih lanjut dalam kajian ini.

## **1.4 Objektif Kajian**

### **1.4.1 Objektif Umum**

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti dan menentukan aspek-aspek pengajaran holistik guru SMAN di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia.

### **1.4.2 Objektif Khusus**

Objektif ini dilakukan berdasarkan kepada objektif khusus berikut:

- i. Menenalpasti aspek-aspek pengajaran holistik yang perlu dimiliki oleh guru SMAN Bandar Makassar menurut Nazir, Pengetua Sekolah dan Guru Pakar.
- ii. Menentukan aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan menurut guru SMAN Bandar Makassar.
- iii. Menenal pasti perbezaan kalangan guru kumpulan mata pelajaran Agama dan Akhlak Mulia (AAM), Kewarganegaraan (Kn), Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (IPT), Estetika (EST), dan Jasmani, Olahraga dan Kesihatan (JOK)

mengenai aspek-aspek pengajaran holistik (aspek pengetahuan, kemahiran, emosional, dan spiritual guru) yang diperlukan di SMAN Bandar Makassar.

- iv. Menghasilkan satu kerangka pengajaran holistik guru SMAN Bandar Makassar.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi mempermudah proses pengumpulan maklumat dan mengenalpasti aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan oleh guru SMAN Bandar Makassar, objektif kajian dinyatakan dalam bentuk soalan seperti berikut. Terdapat empat persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah aspek-aspek pengajaran holistik yang perlu dimiliki oleh guru SMAN Bandar Makassar menurut Nazir, Pengetua Sekolah, dan Guru Pakar?
- ii. Apakah aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan menurut guru SMAN Bandar Makassar?
- iii. Adakah terdapat perbezaan kalangan guru kumpulan mata pelajaran AAM, Kn, IPT, EST, dan JOK mengenai pengajaran holistik yang diperlukan di SMAN Bandar Makassar?
- iv. Bagaimana kerangka pengajaran holistik guru di SMAN Bandar Makassar?

### **1.6 Hipotesis Kajian**

Untuk menjawab soalan kajian nombor 3 berasaskan pada hipotesis seperti berikut:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam lima kalangan guru kumpulan mata pelajaran (AAM, Kn, IPT, EST, JOK) mengenai pengajaran holistik yang diperlukan pada SMAN Bandar Makassar

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam lima kalangan guru kumpulan mata pelajaran (AAM, Kn, IPT, EST, JOK) mengenai aspek pengetahuan pengajaran yang diperlukan pada SMAN Bandar Makassar

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam lima kalangan guru kumpulan mata pelajaran (AAM, Kn, IPT, EST, JOK) mengenai aspek kemahiran mengajar yang diperlukan pada SMAN Bandar Makassar

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam lima kalangan guru kumpulan mata pelajaran (AAM, Kn, IPT, EST, JOK) mengenai aspek emosional yang diperlukan pada SMAN Bandar Makassar

Ho5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam lima kalangan guru kumpulan mata pelajaran (AAM, Kn, IPT, EST, JOK) mengenai aspek spiritual yang diperlukan pada SMAN Bandar Makassar

## **1.7 Rasional Kajian**

Kajian ini diharap dapat menjelaskan kepada ahli akademik, pengajar, dan para pembuat polisi tentang aspek-aspek pengajaran holistik guru SMAN di Bandar Makassar Indonesia yang akan menjadi dasar kepada upaya peningkatan kualiti kecekapan pengajaran guru. Menurut Altrichter (2005) bahawa kecekapan guru menyumbang kepada kualiti dan menjadi aspek utama dalam proses perubahan dan sebagai usaha untuk mengubah amalan P&P. Dalam kes ini, kecekapan pengajaran guru merupakan perkara penting kerana tahap kemampuan guru tersebut akan menentukan kualiti P&P di sekolah.



Kecekapan pengajaran bukan sekadar aspek-aspek yang menjadi prasyarat suatu jawatan, tetapi merupakan aspek-aspek yang menentukan kejayaan prestasi guru secara optima. Ia merupakan satu gagasan yang utuh yang menggambarkan ciri-ciri profesional seorang guru. Kecekapan berupa kemampuan untuk melakukan dan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang digabungjalinkan bagi membentuk seseorang guru yang professional (Mulder, Weigel, dan Collins, 2006). Profesion sebagai seorang guru memerlukan kepakaran secara menyeluruh dan profesionalisme yang tinggi bagi mencapai suatu keberkesanan kerjanya, dan ianya menjejaskan hasil belajar pelajar dengan ketara (Rockoff, 2004; Stronge, Ward, dan Grant, 2011; Zammit, *et al.*, 2007). Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengajaran holistik guru sangat penting agar tujuan pengajaran dan pendidikan secara keseluruhan dapat dicapai. Satu kajian mendalam perlu dijalankan dengan reka bentuk penerokaan berurutan bagi membina kerangka pengajaran holistik guru sekolah menengah yang mempunyai gabung jalin diantara aspek-aspek pengajaran secara seimbang, menyeluruh berdasarkan konteks Bandar Makassar.

Melalui kajian ini kecekapan guru menjadi penentu kepada kejayaan pelaksanaan pengajaran di sekolah untuk menghasilkan prestasi cemerlang secara menyeluruh. Walaupun kandungan kurikulum dan pengajaran serta kemudahan sekolah dan bilik darjah yang cukup, tanpa kemampuan guru yang tinggi dan holistik maka besar kemungkinan segala matlamat yang diinginkan tidak tercapai. Pengkaji mendapati kajian ini perlu dibuat agar menjadi suatu landasan yang berguna bagi guru dan unsur-unsur yang berkaitan dengan pelaksanaan pendidikan supaya dapat memaksimumkan setiap peranannya. Dapatan yang diperolehi ini dapat menyumbangkan maklumat kepada pihak pemerintah, pengajar, dan ahli-ahli akademik lainnya.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting, kerana kecekapan pengajaran guru di Indonesia terutamanya di sekolah menengah menghadapi pelbagai permasalahan dan cabaran. Cabaran ini menuntut guru dalam memenuhi standard pengajaran dengan kepemilikan aspek-aspek yang diperlukan. Bagi mencapai tujuan tersebut penyelidikan ini perlu dilaksanakan untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklumat bagi keperluan guru terhadap aspek-aspek pengajaran holistik dalam kajian ini yang merangkumi aspek pengetahuan, aspek kemahiran, aspek emosional, dan aspek spiritual guru sebagai kerangka pengajaran holistik guru.

Kajian ini menghasilkan satu set instrumen soal selidik daripada pelbagai maklum balas pelaksana pengajaran yang berpengalaman seperti Nazir sebagai penyelia pendidikan, Pengetua Sekolah, Guru Pakar sekolah menengah yang boleh digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang ini pada masa yang akan datang terutamanya yang bersesuaian dengan konteks Bandar Makassar, Indonesia.

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh guru sebagai refleksi diri mengenai pelaksanaan aktiviti P&P, serta berusaha meningkatkan kecekapan berkaitan dengan tugas dan tanggung jawab sebagai pengajar dan pendidik. Para pembuat polisi, khasnya Pejabat Pendidikan Kebangsaan Bandar Makassar, hasil kajian ini sebagai cadangan dalam rangka peningkatan kualiti pendidikan terutamanya kepada pencapaian hasil belajar pelajar di sekolah. Kesimpulan dalam kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat positif sekaligus membantu mengenal pasti dan menentukan aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan guru. Dengan memiliki maklumat dan pemahaman yang jelas tentang perkara ini diharap dapat menyediakan jalan terhadap permasalahan guru dan kualiti proses P&P SMAN di Bandar Makassar, Indonesia.

## **1.9 Kerangka Kajian**

Kerangka kajian dalam penyelidikan ini dibincangkan melalui kerangka teori dan kerangka konseptual kajian. Seterusnya akan dihuraikan satu demi satu seperti berikut.

### **1.9.1 Kerangka Teori Kajian**

Guru adalah pelaku utama dalam mana-mana usaha yang bertujuan untuk meningkatkan proses P&P. Kajian ini bermula dari permasalahan mengenai kompetensi guru dan berusaha untuk membentuk kerangka kompetensi dari aspek-aspek yang bersifat holistik dan diintegrasikan dalam prestasi guru bagi meningkatkan kualiti guru dalam penguasaan kompetensi pengajaran. Ini disebabkan oleh prinsip asas daripada model kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang dalam pekerjaannya akan meningkat apabila memiliki semua aspek-aspek kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugasannya (Saedah Siraj dan Mohammed Sani Ibrahim, 2012).

Mengikut Saedah Siraj dan Mohammed Sani Ibrahim (2012) bahawa konsep kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab. Konsep ini disokong oleh Daud Ibrahim (2003) bahawa kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Kompetensi menunjukkan kemampuan guru menggunakan pengetahuan dan kemahirannya dalam aktiviti praktikal profesionalnya (Ogienko dan Rolyak, 2009; Skinner, 2010). Selain itu, personaliti merupakan perkara penting di dalam menentukan prestasi kerja seseorang (Furnham, Jackson, dan Miller, 1999; Lew, 1977; Rothmann dan Coetzer, 2003). Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk menerangkan


pelbagai aspek yang perlu ada dalam membentuk kerangka pengajaran holistik yang diperlukan guru sekolah menengah.

Terdapat beberapa aspek yang dicadangkan dalam kajian ini iaitu aspek pengetahuan, aspek kemahiran dan aspek emosional, kaitannya dengan peribadi-sosial guru, dan aspek spiritual guru. Pengetahuan adalah penting untuk dikuasai dan kaitannya dengan pengajaran, mata pelajaran bahkan yang berkorelasi dengan itu agar guru dapat memberi pengetahuan secara meluas kepada pelajar. Pengetahuan guru merupakan kunci keberkesanan pengajaran (Campbell, Kyriakides, Muijs, dan Robinson, 2004; Cothran dan Kulinna, 2008; Gurney, 2007; Shulman, 1986; 1987). Disamping itu, guru ialah seseorang yang mampu melaksanakan kemahiran tertentu untuk melakukan fungsi pengajarannya (Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar, dan Lily Ting Hwa Li, 2010; Kyriacou, 1991). Seterusnya, tanpa keperibadian dan jiwa sosial yang kuat, guru akan sukar melaksanakan tugasannya dengan baik dan berjaya, bahkan akan memunculkan pengaruh negatif terhadap pelajar. Perkara ini diperlukan bagi menggalakkan pertumbuhan emosi dan sosial yang bersesuaian demi mengurangkan gangguan di bilik darjah (Goleman, 1996; 2000; Jordan dan Métais, 2000). Aspek-aspek kompetensi ini tidak semestinya hanya berasaskan dan berorientasikan kepada penampilan guru sebagai seseorang pendidik keilmuan, tetapi juga banyak menyentuh tentang penampilan guru sebagai seorang pendidik yang memiliki nilai spiritual yang tinggi.

Aspek pengetahuan mengajar guru (Shulman, 1986; 1987, Darling-Hammond dan Baratz-Snowden, 2009), aspek kemahiran (Kyriacou, 1991; Mishra dan Koehler, 2006), aspek emosional (Goleman, 1995; Cheng, 2002; 2005), dan aspek spiritual (Wigglesworth, 2011) digabungkan supaya menjadi satu kerangka teori kajian yang terlibat dan menjadi domain kompetensi. Aspek-aspek tersebut dimiliki dan diaplikasikan secara holistik baik dalam aktiviti P&P di dalam bilik darjah mahupun dalam pelaksanaan tugasannya terutamanya di sekolah. Kerangka teori kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

### 1.9.1.1 Teori Berkaitan

Berikut akan diuraikan teori-teori yang menyokong serta berhubungkait dengan kecekapan dalam pelaksanaan tugas sebagai guru. Dalam kaitan ini guru mesti memiliki kecekapan dengan pelbagai aspek-aspeknya secara holistik dan integratif di dalam bilik darjah dan diharapkan boleh membangkitkan minat pelajar sehingga matlamat pembelajaran khususnya serta pendidikan amnya dapat tercapai. Terdapat dua teori secara ringkas pengkaji huraikan dalam bahagian ini iaitu teori kompetensi dan teori holistik. Kedua-dua teori tersebut menjelaskan tentang betapa pentingnya seorang guru untuk terus menerus di dalam melakukan aktiviti pengajaran dengan baik memerlukan kecerdasan, wawasan, dedikasi, dan kerjasama. Oleh itu, dalam membina kecekapan mengajar mestilah mensinergikan pengetahuan, kemahiran, dan perilaku guru secara holistik/menyeluruh dan integratif dalam upaya mewujudkan keseimbangan intelek dan emosi guru dalam pengajaran.



**Rajah 1.1:** Kerangka Teori Kajian

### 1.9.1.1 Bahagian Pertama: Teori Kompetensi

Kompetensi pertama kali diperkenalkan di Amerika Syarikat pada awal tahun 1980-an oleh Boyatzis. Kompetensi ditakrifkan sebagai ciri-ciri dasar individu, sebab-akibat yang berkaitan dengan prestasi berkesan atau lebih besar. Kecekapan menyifatkan tingkah laku yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dengan kemahiran/*skill* (Boyatzis, 1982). Kompetensi mengikut pandangan Boyatzis ini merujuk kepada perlakuan psikomotor serta tingkah laku yang dipamerkan oleh individu yang boleh dinilai atau diukur. Kompetensi juga dapat dijadikan instrumen pengukuran bagi menentukan hasil kerja berkualiti tinggi. Boyatzis (1982) menyatakan bahawa sepatutnya kompetensi perlu dilihat sebagai satu bentuk yang mewakili prestasi keseluruhan pencapaian organisasi dan bukan berasaskan pencapaian individu semata. Ini adalah kerana seseorang individu tidak mungkin boleh berjaya tanpa kerjasama dan bantuan anggota dalam sesebuah organisasinya.

Satu teori prestasi menjadi asas bagi konsep kompetensi, teori ini meyakini bahawa prestasi mengalami peningkatan yang cukup tinggi ketika kemampuan seseorang atau bakat konsisten dengan keperluan dan tuntutan pekerjaan dalam lingkungan organisasi (Boyatzis, 1982; 2008). Bakat seseorang dapat digambarkan melalui: nilai-nilai, vision, dan falsafah peribadi; pengetahuan; kecekapan; tahap kehidupan dan kerjaya; kepentingan dan gaya. Tuntutan pekerjaan dapat digambarkan oleh peranan tanggungjawab dan tugas yang mesti dilakukan (Boyatzis, 2008).

Terdapat tiga kelompok kompetensi yang membezakan prestasi kerja luar biasa yang digunakan oleh hampir semua negara di dunia (Boyatzis, 1982; Spencer dan Spencer, 1993; Goleman, 1995; 1998). Di antara kompetensi tersebut ialah kompetensi kognitif/pengetahuan (kecerdasan intelektual); kemahiran dalam peranan; dan kompetensi kecerdasan emosional termasuk kesedaran diri dan pengurusan diri; dan kompetensi kecerdasan sosial termasuk kesedaran sosial dan kompetensi hubungan dan kerjasama pasukan.

Teori ini yakin bahawa prestasi mengalami peningkatan yang cukup tinggi ketika kecekapan seseorang konsisten dengan keperluan dan permintaan dalam persekitaran pekerjaan. Perkara tersebut selari dengan prestasi seorang guru akan meningkat apabila dimensi-dimensi kompetensi guru (profesional, pedagogi, keperibadian dan sosial) konsisten terhadap matlamat yang hendak dicapai dengan sokongan aspek-aspek kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru. Perkara inilah yang menjadi asas pengkaji kepada memilih teori kompetensi yang terdiri daripada aspek-aspek pengetahuan, kemahiran, dan perilaku sebagai cerminan emosional dan spiritual guru yang kemudiannya digabungkan sehingga menjadi satu kerangka pengajaran holistik dalam kajian ini.

### **1.9.1.2 Bahagian Kedua: Teori Holistik**

Pengajaran holistik guru bertujuan untuk membangunkan keupayaan atau potensi diri supaya terdapat keseimbangan antara aspek intelektual dan emosional dalam mengujudkan kemahiran yang berkesan melalui proses P&P yang kreatif untuk melahirkan pengajar/pendidik yang kompeten. Walau bagaimanapun, kemampuan pengajaran guru yang mengandungi unsur holistik boleh melahirkan pelajar yang kreatif pula dalam belajar.

Membina dan mengembangkan satu kerangka model kecekapan adalah penting untuk mengintegrasikan aspek-aspek yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi kerja sebuah profesion secara menyeluruh/holistik. Tipologi holistik berguna dalam memahami gabungan pengetahuan, kemahiran dan kepintaran sosial yang diperlukan untuk keberkesanan profesion tertentu (Deist dan Winterton, 2005). Selanjutnya Deist and Winterton (2005) menyatakan penggabungan aspek-aspek ini mewakili pelbagai dimensi pendekatan kecekapan holistik secara meluas dan menyediakan peluang yang lebih baik dan bersinergi. Walaupun pada akhirnya penyelidikan mereka tersebut memberi saranan mengenai adanya unsur *value*/nilai dalam pendekatan pelbagai dimensi kecekapan. Kesimpulan daripada kajian tersebut mendapati bahawa dalam model kompetensiholistik terdiri daripada empat bahagian iaitu *cognitive competence*, *functional competence*, *social competence*, dan *meta*

*competence*. Hasil kajian ini selari dengan model kompetensi individu profesional yang digabungkan iaitu *knowledge/cognitive competence*, *functional competence*, *personal competence*, dan *values/ethical competence* dalam “Towards a holistic model of profesional competence” (Cheetham dan Chivers, 1996).

Rumpun psikologi Gestalt juga menekankan keseluruhan secara bersepadu, kerana alam kehidupan dan perilaku manusia selalu merupakan suatu keseluruhan, atau suatu kebersepaduan. Teori Gestalt menganggap bahawa keseluruhan itu lebih bermakna berbanding bagian-bagian/kelompok-kelompok. Kerana bagian-bagian tersebut akan berarti apabila ada dalam keseluruhan. Sebagai contoh, dalam proses P&P, pelajar bukan sahaja mengembangkan aspek intelektualnya tetapi juga mengembangkan peribadi pelajar seutuhnya. Keterkaitan dan menyeluruh merupakan prinsip di sebalik pengajaran yang baik (Palmer, 1997).

Mengajar itu bukanlah mengisi memori anak dengan fakta-fakta yang lepas-lepas tetapi membangunkan keseluruhan potensi yang ada dalam diri pelajar. Oleh sebab itu, untuk membina kecemerlangan pelajar maka kompetensi guru mesti bersifat holistik. Pandangan ini selari dengan Zigler (1978) dalam *The Holistic Paradigm in Educational Theory*, bahawa paradigma holistik dalam siasatan pendidikan yang boleh berfungsi sebagai asas pengintegrasian dan memberikan pembenaran terhadap pengkajian dan penilaian terhadap bagian-bagian dan keseluruhan ataupun perpaduan, kerana keseluruhan aspek dipandang sebagai sesuatu yang saling bergantung dan saling berkaitan.

### **1.9.2 Kerangka Konsep Kajian**

Seseorang guru perlu memiliki kemampuan khusus, ianya memiliki tanggung jawab membantu pelajar di dalam proses belajar dan menjadi *role model* kepada pelajar (Cooper, 1986; Gurney, 2007). Guru akan mampu melaksanakan tanggung jawabnya jika ia memiliki pelbagai kecekapan yang diperlukan dan dinyatakan




menjadi sejumlah kecekapan yang lebih khusus. Menurut Shulman (1987), pengajaran sangat ditentukan oleh pemikiran guru yang diambil dari pengetahuan asas mereka sebagai dasar untuk pertimbangan penilaian dan tindakan.

Selanjutnya, aspek pengetahuan yang harus ada adalah pengetahuan asas pengajaran. Pengetahuan asas tersebut terdiri dari pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kurikulum, pengetahuan kandungan pedagogi, pengetahuan tentang pelajar, pengetahuan tentang konteks pendidikan, pengetahuan tentang matlamat dan nilai pendidikan. Komponen-komponen inilah yang menjadi salah satu pertimbangan dalam menghasilkan kerangka pengajaran holistik yang diperlukan oleh guru.

Berkenaan dengan aspek-aspek kemahiran yang diperlukan oleh guru dalam pengajaran; pertama, mahir dalam aktiviti P & P yang dimulai dengan aktiviti perancangan dan persiapan, pembentangan pelajaran, pengurusan pelajaran, pengaturan iklim bilik darjah, disiplin, menilai kemajuan pelajar, refleksi dan penilaian (Kyriacou, 1991). Kedua, mahir menggunakan TKM iaitu TKM sebagai alat dan sumber P&P. Berkenaan dengan pengajaran, TKM lebih memberi kesempatan bagi guru untuk menjadi pengurus pembelajaran daripada pembekal maklumat. TKM telah membuka cara baru pembelajaran, dari pembelajaran pasif kepada model pembelajaran yang menekankan pendekatan yang lebih aktif, dan lebih konstruktivis (Zakopoulos, 2002).

Guru harus mempunyai kemampuan yang berkaitan dengan kemantapan dan integriti keperibadian-sosial, kerana diyakini bahawa keberkesanan pengajaran guru tidak dapat dijamin hanya melalui pengetahuan dan kemahiran tetapi juga bergantung kepada keperibadian mereka (Aka, 2012; Khunasathitchai, 2005; Liakopoulou, 2011; Mehta, 2012; Tope, 2011). Guru perlu sentiasa berkeperibadian yang baik sehingga dapat menjadi contoh kepada pelajar kerana posisi guru yang sangat dekat dengan pelajarannya dan berhubungan sebagai ibu bapa di sekolah (Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom, 2003). Kaitannya dengan ini, pengkaji mengambil

aspek peribadi dan sosial oleh Goleman (1995). Manakala, aspek spiritual lebih menekankan kepada dua komponen iaitu komponen vertikal, yang mana terhubung kepada sesuatu yang sakral, suci, abadi, dan sebagai sumber kekuatan yang tinggi, dan komponen horizontal terhubung kepada kemampuan untuk membantu kepada sesama manusia dan makhluk lainnya di muka bumi ini (Wigglesworth, 2011; Lawrence dan Dirkx, 2010) sebagai pemboleh ubah untuk membentuk kerangka pengajaran holistik guru. Adapun kerangka konsep dalam kajian ini seperti dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

Aspek peribadi yang dimaksud iaitu kesadaran diri yang terdiri dari unsur kesadaran emosi, penilaian diri dan keyakinan diri; pengurusan emosi: kawalan diri, kebolehpercayaan, ketelitian, penyesuaian, inovasi; motivasi: desakan pencapaian, komitmen, inisiatif, dan optimistik (Goleman, 1995).

Sebagai seorang profesional, guru seharusnya memiliki kemampuan khas untuk meningkatkan keberkesanan P&P yang akan membantu pelajar mencapai potensinya secara utuh serta tidak melupakan tanggungjawab sosialnya sebagai cerminan bagi masyarakat dengan menyumbang pengetahuan untuk kepentingan bersama (Ilukena, 1998). Guru, sama seperti manusia lainnya, ialah makhluk sosial yang dalam hidupnya berdampingan dengan manusia lainnya. Guru diharapkan memberikan contoh yang baik terhadap persekitaran dengan menjalankan hak dan kewajibannya sebagai sebahagian dari masyarakat sekitarnya. Guru harus berjiwa sosial tinggi, mudah bergaul dan suka menolong (Musfah, 2011). Faktor sosial ini menentukan bagaimana guru dapat mengendalikan hubungan dengan orang lain baik di persekitaran sekolah atau di luar sekolah yang merangkumi empati dan kemahiran sosial (Goleman, 1995; Cheng, 2005).

Telah diperjelaskan bahawa guru-guru mesti mempunyai kompetensi teras, holistic yang ditunjukkan dalam prestasi guru sebagai ejen pembelajaran. Aspek-aspek pengajaran holistik tersebut jelas tidak sentiasa berasaskan dan berorientasikan kepada pembentukan seorang guru sebagai pendidik keilmuan, tetapi juga berkaitan dengan seorang guru sebagai individu pendidik yang berkeperibadian tinggi.

### **1.10 Batasan Kajian**

Dalam bidang kajian pendidikan, batasan kajian digunakan untuk mengecilkan skop kajian (Creswell, 2003; 2010). Kajian ini bertujuan menentukan satu kerangka pengajaran holistik guru daripada aspek pengetahuan, kemahiran,

emosional dan spiritual guru. Aspek-aspek pengajaran holistik tersebut merangkumi beberapa indikator yang khusus dikaji dari hasil temubual dan soal selidik. Kumpulan sasaran kajian ini ialah Nazir, Pengetua Sekolah, Guru Pakar dan guru-guru SMAN di Bandar Makassar berdasarkan objektif kajian.

Pada prinsipnya, persoalan yang akan dikaji dalam kajian ini akan dianalisis sama ada melalui kaedah pendekatan kuantitatif mahupun kualitatif. Aspek-aspek yang menjadi sasaran boleh dianalisis dengan pendekatan kedua-duanya bagi mendapatkan gambaran peringkat kebenaran hasil kesimpulan daripada data kajian yang diperolehi.

Secara geografi, Wilayah Sulawesi Selatan terdiri dari satu bandar dan beberapa daerah kabupaten. Kekangan masa dan kesesuaian menyebabkan kajian ini hanya dilakukan pada salah satu daripada beberapa bahagian daripada Wilayah Sulawesi Selatan, iaitu Bandar Makassar. Responden kajian ini ialah guru-guru SMAN yang berada di Bandar Makassar Sulawesi Selatan, Indonesia. Hasil kajian ini hanya menggambarkan aspek-aspek pengajaran holistik yang diperlukan oleh guru SMAN di Bandar Makassar, dan tidak digunakan oleh jabatan-jabatan lain.

### **1.11 Definisi Operasional**

Berikut akan diuraikan istilah atau definisi yang digunakan untuk keperluan kajian ini.

### 1.11.1 Kompetensi

Kompetensi merupakan satu kesatuan utuh yang menggambarkan potensi, pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang dinilai, yang berkait rapat dengan kerjaya/profesion tertentu berkenaan dengan bahagian-bahagian yang dapat dikemukakan dan diwujudkan dalam bentuk tindakan atau prestasi untuk menjalankan profesion tertentu (Depdiknas, 2009; Gilomen, 2003; Yuhetty dan Miarso, 2012). Selanjutnya, Sanghi (2004) mendedahkan bahawa kompetensi ialah komponen dari pekerjaan yang tergambar melalui tingkah laku yang diamati di tempat kerja yang terdiri daripada unsur-unsur pengetahuan, kemahiran, kemampuan, bakat, perilaku kesesuaian peribadi dan berdampak pada prestasi kerja.

Selain itu, kompetensi merupakan pendekatan perilaku terhadap kecerdasan emosional, sosial dan pengetahuan. Seterusnya Boyatzis (2008) menyatakan bahawa kompetensi diperlukan bagi keberkesanan dalam melaksanakan suatu profesion dan jikalau perilaku tersebut terdapat peningkatan dan penambahbaikan bersesuaian dengan keinginan maka akan meningkatkan prestasi yang luar biasa. Sedangkan menurut Spencer dan Spencer (1993) bahawa kompetensi merupakan ciri-ciri yang mendasari seseorang yang berhubungan secara timbal balik dengan suatu kriteria efektif kecekapan terbaik seseorang dalam pekerjaannya.

Lembaga standard latihan antarabangsa bagi prestasi dan pengajaran mentakrifkan kompetensi sebagai set holistik daripada kemahiran, pengetahuan dan sikap yang membolehkan seseorang melaksanakan aktiviti-aktiviti pekerjaan atau fungsi yang diberikan kepada standard yang diharapkan secara berkesan (<http://www.ibstpi.org>). Standard pengajaran profesional tersebut sebagai rangka kerja yang menyediakan satu titik rujukan untuk menerangkan apa yang guru perlu tahu, faham dan boleh membuat serta memberikan hala tuju dan struktur bagi menyokong persiapan dan pembangunan guru (NSW Institute of Teachers, 2012).

Dengan demikian kompetensi mempunyai perkaitan yang rapat dengan standard. Ertinya seseorang boleh disebut kompeten di bidangnya jika pengetahuan, kemahiran, sikap dan hasil kerjanya mengikut standard yang ditetapkan oleh institusi tempatnya bekerja. Berasaskan definisi tersebut, maka dapat dinyatakan bahawa definisi kompetensi dalam kajian ini merupakan satu set pengetahuan, kemahiran dan perilaku emosional guru yang harus dimiliki, dihayati, dikuasai, dan diaktualisasikan dalam melaksanakan tugasannya.

### **1.11.2 Kompetensi Guru**

Kompetensi diperlukan dalam setiap profesion. Kompetensi yang dimaksudkan ialah mampu menggunakan pengetahuan secara berkesan dalam situasi tertentu (Mulder, 2006). Dunkin mendefinisikan kompetensi guru iaitu sejauh mana guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, dan prestasi guru sebagai cara guru berkelakuan dalam proses pengajaran (Hunt, 2009; Wu, 2003). Sejalan dengan hal tersebut, Medley dan Shannon menegaskan bahawa kompetensi guru ialah setakat mana guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran ditakrifkan sebagai kelayakan yang perlu atau wajar untuk mengajar (Medley dan Shannon, 1994).

Dalam kajian ini, bahawa yang dimaksud kompetensi guru ialah seperangkat pengetahuan, kemahiran dan cerminan perilaku daripada unsur emosional dan spiritual yang harus dimiliki, dihayati, dikuasai, dan diaktualisasikan oleh guru dalam melaksanakan tugas keprofesionalannya dalam menguruskan P&P sebagai wujud implementasi kurikulum untuk meningkatkan prestasi pelajar tingkat SMA.

### **1.11.3 Pengajaran**

Secara deskriptif, aktiviti mengajar diertikan sebagai proses penyampaian maklumat atau ilmu pengetahuan dari guru kepada pelajar. Pengajaran adalah kemahiran kognitif yang kompleks berdasarkan pengetahuan tentang bagaimana membina dan mengawal aktiviti dalam bilik darjah, dan pengetahuan tentang kandungan yang akan diajarkan. Kemahiran ini membolehkan guru untuk membina perancangan dan membuat keputusan yang cepat dan tepat dalam memandangkan keadaan yang berubah-ubah, sebagai akibat dari pesatnya kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Dalam kajian ini pengajaran adalah memaksimumkan potensi diri guru dalam proses penyampaian maklumat dan pengetahuan kepada pelajar secara dinamik mengikut perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi.

### **1.11.4 Pengajaran Holistik**

Kualiti guru dalam pengajaran tidak hanya diukur dari aspek pengetahuan tetapi juga dari aspek kemahiran dan perilaku budi pekerti. Ketiga elemen tersebut di dalam membentuk kerangka pengajaran dalam kajian ini perlu dikuasai dan diaplikasikan oleh guru iaitu pertama, pengetahuan mengajar iaitu segala sesuatu yang diketahui berkenaan dengan perkara pengajaran (Shulman, 1987). Manakala, Kemahiran mengajar boleh ditakrifkan sebagai aktiviti berasingan dan jelas oleh para guru yang menggalakkan pembelajaran pelajar (Kyriacou, 1991). Dan, aspek emosional adalah kemampuan untuk mengenal pasti diri sendiri, motivasi diri, empati, dan mengurus emosi dengan berkesan pada diri sendiri dan orang lain (Goleman, 1995). Kompetensi pengajaran dalam kajian ini adalah kemampuan yang dimiliki oleh guru terhadap aspek-aspek pengetahuan, kemahiran dan perilaku emosional kaitannya dengan peribadi-sosial guru dalam menghasilkan sajian kreatif dan menarik, menyenangkan, dan berterima dalam aktiviti pengajarannya.

Perkataan holistik berasal dari bahasa Inggeris iaitu *holistic* yang mempunyai arti menyeluruh, dalam arti menekankan pentingnya keseluruhan dan saling keterkaitan dari bahagian-bahagian menjadi satu unsur. Ertinya, di dalam proses pendidikan yang holistik, terdapat kombinasi antara keterlibatan etika dan pengetahuan yang padu untuk tujuan bersama (Argyros, 2012). Jika kata holistik ini dipakai dalam rangka aktiviti pengajaran di sekolah maka ia mempunyai erti pengajaran yang diberikan kepada pelajar dengan menampilkan kemampuan secara utuh dan seimbang daripada pelbagai aspek-aspek yang diperlukan, memahami dan menghayati peranan aspek-aspek tersebut, dan bagaimana guru dapat mengimplementasikannya dalam praktik pengajaran. Jadi pengajaran holistik adalah kemampuan yang dimiliki oleh guru terhadap aspek-aspek menyeluruh iaitu aspek pengetahuan mengajar, aspek kemahiran dalam mengajar, aspek emosional, dan aspek spiritual guru di dalam aktiviti pengajaran. Aspek-aspek pengajaran holistik tersebut merangkumi beberapa indikator sebagai konstruk pemboleh ubah dalam kajian ini, seperti diterangkan secara singkat berikut ini.

#### **1.11.4.1 Aspek Pengetahuan Mengajar**

Indikator aspek pengetahuan mengajar dalam kajian ini terdiri dari: pertama, pengetahuan kandungan. Pengetahuan kandungan dalam kajian ini adalah penguasaan guru terhadap isi mata pelajaran yang terdiri dari himpunan fakta dan konsep dengan prinsip kesesuaian dan terstruktur, serta melibatkan kepercayaan guru terhadap ilmu pengetahuan yang diajarkan. Selain dituntut untuk menguasai bahan ajar, selanjutnya penguasaan tentang bagaimana mengajarkan bahan ajar tersebut iaitu memiliki pengetahuan pedagogi am, sebagai indikator kedua. Pengetahuan pedagogi adalah penguasaan guru kaitannya dengan kaedah didaktik dan metodik yang digunakan dalam pengajaran di bilik darjah. Penguasaan guru menerapkan sejumlah kaedah, strategi, dan pendekatan untuk menyelesaikan dan memecahkan masalah-masalah dalam P&P.



